



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PEKELILING CIDB-BIL.2/2024

PEMAKLUMAN PENYELARASAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR BAGI KOD PENGKHUSUSAN ELEKTRIK YANG MENGGUNAKAN KELAYAKAN ORANG KOMPETEN BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA TENAGA (ST)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam Industri Pembinaan mengenai penyelarasan syarat pendaftaran kontraktor bagi kod pengkhususan Elektrik yang diperolehi oleh kontraktor melalui kelayakan orang kompeten berdasarkan Akta Suruhanjaya Tenaga (Peraturan-Peraturan Elektrik 1994) diseluruh negeri tertakluk dibawahnya.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mana-mana kontraktor yang memiliki Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik dan Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) layak memperolehi kod pengkhususan elektrik yang berkaitan (sila rujuk Lampiran 1).
- 2.2 Walaubagaimanapun kontraktor perlu mematuhi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520) dan Akta Suruhanjaya Tenaga (PPE 1994) seperti berikut :
 - i. Kontraktor perlu berdaftar dengan CIDB sebagai kontraktor berdaftar dan memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK),
 - ii. Kontraktor perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan memiliki Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik dan;
 - iii. Orang kompeten perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan memiliki Perakuan Kekompeten. Orang kompeten tersebut juga mestilah didaftarkan dibawah syarikat / firma kontraktor berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan memiliki Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik.

3.0 PENYELARASAN

3.1 Kontraktor baharu

Layak memperolehi kod pengkhususan elektrik berdasarkan kelayakan orang kompeten daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dengan syarat orang kompeten telah didaftarkan dibawah syarikat/ firma kontraktor berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) yang memiliki Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik.

3.2 **Kontraktor sediaada yang tiada kod pengkhususan elektrik**

Layak memperolehi kod pengkhususan elektrik berdasarkan kelayakan orang kompeten daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dengan syarat orang kompeten telah didaftarkan dibawah syarikat/ firma kontraktor berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) yang memiliki Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik.

Kontraktor sediaada yang mempunyai kod pengkhususan elektrik

Kod pengkhususan akan digugurkan semasa kontraktor membuat permohonan pembaharuan PPK sekiranya orang kompeten tidak didaftarkan dibawah syarikat / firma kontraktor berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) yang memiliki Perakuan Pendaftaran Sebagai Kontraktor Elektrik.

- 3.3 Bagi perkara 3.1 hingga 3.2., orang kompeten juga perlu memenuhi syarat dan kelayakan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor iaitu orang kompeten mestilah :
- i. Terdiri daripada warganegara Malaysia.
 - ii. Digajikan sepenuh masa oleh syarikat / firma.
 - iii. Tidak boleh didaftarkan melebihi daripada satu syarikat berdaftar.

4.0 **TATACARA PELAKSANAAN**

Permohonan tambah kod pengkhususan elektrik boleh dibuat oleh kontraktor melalui atas talian di cims.cidb.gov.my dan kontraktor akan dikenakan fi proses dan fi pendaftaran bagi setiap permohonan yang dikemukakan.

5.0 **TARIKH KUATKUASA**

Penyelarasan kod pengkhususan ini berkuatkuasa bermula pada 01 Mac 2024.

6.0 **PERTANYAAN**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi e-bantuan:<http://www.cidb.gov.my/> e-bantuan.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



(DATO' Sr MOHD ZAID ZAKARIA D.P.S.K)

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

